

Kuala Kubu Bharu

Seramai 28 lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas pertuduhan menjadi ahli kumpulan jenayah terancang.

Mereka ialah P Thanasegaran Perumal, 46, K Saravanak Kumar, 36, S Selvamogan Selvarajan, 44, N Yogeswaran, 41, N Ganesan, 43, R Raja Kumar, 39, Aziz Latip Hassanar, 42, N Chandran, 37, B R Vinot 27, K Selvam, 38, P Tachana Moorthy, 36, dan S Vekneswaran Sekaran, 36.

Selain mereka, tertuduh lain ialah S M Saravanan, 40, V Elangovan, 36, V Thina-garan, 28, M Eswaran, 33, S Kali Muthu, 44, B Moganraj, 30, A Poobalan, 29, N Vijendran, 37, K Punitharaja, 26, R Devandran, 35, R Ven-gateswaran, 26, Tan Eng Sun, 22, P S Satheswaran, 23, G Gananathan, 23, H Arvind, 24, dan S Navin, 29.

Semua tertuduh mengang-guk faham selepas per-tuduhan dibaca dalam ba-hasa Tamil di hadapan Ha-kim Nurul Mardhiah Mo-hammed Redza.

Bagaimanapun tiada pen-gakuan direkodkan kerana kes itu di bawah bidang kua-sa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, ke-semua tertuduh didakwa menjadi ahli kumpulan je-

SERAMAI 28 ahli kumpulan jenayah terancang Geng 08 GST dibawa polis di Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu atas pertuduhan menjadi ahli kumpulan jenayah terancang tiga tahun lalu. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH



Ahli Geng 08 GST didakwa

Tiada pengakuan direkod oleh 28 tertuduh

nayah terancang Geng 08 GST di sebuah tempat di Tin Mine, Kalumpang, di sini, antara Januari 2019 hingga 23 Jun lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 130V (1) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah

subseksyen sama yang mem-peruntukkan hukuman penjara ti-dak ku-rang lima

tahun dan maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan.

Dalam prosiding sema-lam, pertuduhan dikenda-likan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Iskandar Ahmad, Shafiq Hasim, Khairul Azreem Mamat dan Yong Ching Hong.

Semua tertu-duh pula di-wakili pe-guam Da-tuk Geethan Ram Vin-

cent, Datuk R Thinalan, Da-tuk David Gurupatham JM Mark, K Shalvin, Mohd Hanif Hassan dan Mujahidah Almukimah Fakhfurazi.

Peguam-peguam berke-naan dalam hujah ma-sing-masing memohon anak guam mereka diikat jamin atas beberapa faktor terutama kesihatan.

Mahkamah kemudian ti-dak membenarkan semua tertuduh diikat jamin dan menetapkan 22 Ogos depan untuk sebutan semula kes.

Mahkamah tidak membenarkan kesemua tertuduh diikat jamin

Gengster pernah ugut saya: Awie

Kuala Lumpur: Pelakon dan penyanyi Datuk Ahmad Azhar Osman atau lebih dikenali sebagai Awie pernah diugut oleh samseng selepas terbabit dalam jelajah kempen *Anti Piracy* (cetak rompak) sebelum ini.

Pengalaman itu menyebab-kan beliau terdedah de-ngan bahaya dalam pem-babitannya pada kempen Anti Scam Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) (Awie Ride 2022).

Awie berkata, pembabi-tannya dalam kempen itu dianggap amat bahaya, nam-un beliau sanggup ber-hadapan risiko demi me-ningkatkan kesedaran ma-syarakat dalam isu sindiket penipuan.

"Saya berharap tiada per-kara yang tidak diingini berlaku kerana sebelum ini saya pernah diugut oleh 'gangster' selepas terbabit dalam jelajah kempen *Anti Piracy* sebelum ini," kata-nya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Flag Off Kempen Anti Scam PDRM (Polis Diraja Malaysia) 2022 di Pusat Latihan Polis (Pu-lapoli) Kuala Lumpur, di si-ni, semalam.

Awie berkata, seramai 35 penunggang motosikal ber-kuasa tinggi terbabit dalam kempen berkenaan.

"Jelajah fasa pertama ada-

lah di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis pada hari ini (semalam) hingga Juma-at manakala fasa kedua ber-mula pada 25 Julai hingga 28 Julai nanti di Kelantan, Te-rangganu dan Pahang.

"Fasa ketiga pula berlang-sung di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor pada 1 dan 2 Ogos nanti," katanya.

Menurutnya, kempen itu adalah usaha bagi memberi penerangan kepada masya-rakat berkaitan sindiket penipuan.

"Saya sendiri juga nyaris menjadi mangsa sindiket penipuan dan pernah ber-gaduh dengan sindiket yang menyamar sebagai pe-gawai bank.

"Disebabkan itu, saya berharap orang ramai da-pat meluangkan masa hadir ke program ini dan men-dengar taklimat pakar da-ripada PDRM.

"Ia bagi membolehkan orang ramai supaya sentia-sa berwaspada dan berha-ti-hati dengan modus ope-randi sindiket penipuan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Siasatan) Jaba-tan Siasatan Jenayah Ko-mersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Dr Mustafah Khan Ab-dul Samat berkata, seba-nyak empat mesej utama akan disampaikan dalam kempen Anti Scam itu.